

28 JUL 2004

LID-Pemimpin

PRESIDEN NAMIBIA GESA PERPADUAN AFRO-ASIA MENJELANG GLOBAL 2004 LID

Oleh: Muin Abdul Majid

LANGKAWI, 28 Julai (Bernama) -- Presiden Namibia Dr Sam Nujoma menggesa perpaduan Afro-Asia diperkasakan lagi bagi mengekang "pengeksploitasi dunia" ketika beliau dan ketua-ketua lain tiba di sini sempena Global 2004

Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) yang bermula esok.

Beliau berkata eksploitasi sumber di negara membangun sepatutnya memberi manfaat kepada penduduk tempatan dan bukan menjadi sumber kekayaan kepada orang lain.

"Penting bagi kita untuk menumpukan kepada perpaduan Afro-Asia dan mengukuhkan pergerakan negara-negara berkecuali bagi memastikan sumber kita tidak dieksploitasikan oleh pengeksploitasi di dunia ini," katanya kepada Bernama dan penyiar rasmi RTM semasa ketibaannya di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di sini.

Dialog tiga hari itu yang bertemakan "Ke Arah Dunia Yang Lebih Pintar-Menyatukan Cabaran Pembangunan Dengan Keselamatan Dunia Menerusi Dialog", akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, esok.

Dr Nujoma berkata kerjasama antara negara-negara membangun Selatan dan hubungan dengan negara-negara kaya Utara perlu bersandarkan kepada pengiktirafan kedaulatan negara-negara membangun.

Presiden Namibia itu berkata hubungan perdagangan antara kedua-dua pihak perlu berasaskan kepada saling menerima faedah antara kesemua pihak yang terlibat.

"Eksplorasi antara manusia tidak sepatutnya dibenarkan," kata pemimpin Namibia itu yang memegang tampuk pemerintahan negara dengan populasi seramai 1.95 juta orang, sejak Mac 1990.

Dr Nujoma berkata negara membangun termasuk yang terlibat dalam pergerakan Perkongsian Pintar perlu mencari jalan untuk mengeluarkan barangan dengan sasaran untuk diekspor bagi mengukuhkan ekonomi mereka.

Beliau juga melahirkan kekagumannya terhadap bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, yang mengilhamkan LID pada 1995, kerana ia memberi

kesan yang mendalam di kalangan negara membangun.

LID merupakan sebahagian daripada siri Dialog Antarabangsa bagi Perkongsian Pintar yang termasuk Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID)

dan Dialog Antarabangsa Timur Afrika (EAID).

Antara pemimpin yang tiba hari ini adalah King Mswati III dari Swaziland, negara yang menjadi tuan dialog Global 2003, Naib Presiden

Afrika Selatan Jacob G. Zuma dan Presiden Mozambique Joaquim Alberto Chissano.

Zuma juga melahirkan pandangannya terhadap dua isu penting yang dihadapi dunia hari ini iaitu globalisasi dan kemiskinan.

"Meskipun dunia sedang pesat dibangunkan, namun masalah yang dihadapi

negara termiskin masih gagal ditangani," katanya sambil menambah kerajaan

dan sektor swasta perlu menyahut cabaran untuk menangani masalah ini.

Zuma berkata selepas mengharungi pelbagai rintangan, benua Afrika

menghadapi kesukaran dengan berani pada kali ini dengan membentuk Kerjasama

Ekonomi Baru bagi Pembangunan Afrika (NEPAD).

"Kami percaya dunia perlu berinteraksi dengannya bagi membantu Afrika

membendung kemiskinan dan masalah-masalah lain," katanya.

Beliau yakin negara-negara Afrika lain yang menyertai dialog ini turut

mempunyai pandangan yang sama dengannya.

Penaung Global 2003, King Mswati, berkata beliau berharap dapat membangkitkan isu bagaimana negara-negara kecil dapat bekerjasama dengan

negara-negara yang lebih maju di dialog ini.

Berdasarkan pertemuannya dengan Abdullah di Putrajaya menjelang Global

2004 LID, beliau berpendapat Abdullah begitu komited untuk memajukan lagi

Perkongsian Pintar.

-- BERNAMA

MAM SHY ZK